

## Penggunaan Konsonan [ڙ، ز، ظ] Dalam Sistem Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Universiti Putra Malaysia<sup>1</sup>

Ab. Halim Mohamad\* dan Mohd Azidan Abdul Jabar

Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Konsonan *zal* [ڙ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] mempunyai artikulasi dan sifat yang berbeza dari segi fonetiknya. Ketiga-tiga konsonan tersebut disebut oleh penutur Melayu dengan sebutan [ز] yang sangat hampir dengan konsonan [z]. Orang Melayu menghadapi masalah dalam membeza dan mengguna tiga konsonan tersebut dalam tulisan Jawi mereka. Kajian ini cuba menghurai tahap penggunaan konsonan tersebut dalam kalangan pelajar Melayu yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 25 orang pelajar Bachelor Bahasa Arab di UPM dan 35 orang pelajar Bachelor Linguistik Melayu di Jabatan Bahasa Melayu di UPM. Satu ujian menulis tulisan Jawi telah dijalankan ke atas dua kumpulan pelajar tersebut. Pelajar diminta menulis 30 perkataan yang dipilih khas dalam tulisan Jawi. Hasil kajian ke atas pelajar Bachelor Bahasa Arab mendapati bahawa 8% memperolehi gred B- dan C+, 32% memperolehi gred D dan 44% gagal (F). Manakala pelajar Bachelor BM pula, 2.86% mendapat gred B- dan 97.14% gagal (F). Hasil Ujian ini menunjukkan bahawa pelajar IPTA yang telah menerima pembelajaran tulisan Jawi masih lemah dalam membeza dan mengguna konsonan [ڙ], [ز] dan [ظ] dalam sistem tulisan Jawi termasuk pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Arab. Oleh yang demikian, sistem tulisan Jawi perlu disemak semula dan ditransformasi sesuai dengan sebutan dan lidah Melayu. Adalah dicadangkan bahawa satu fonem konsonan sahaja iaitu [ز] yang merujuk kepada simbol [z] dalam ejaan Rumi perlu digunapakai dalam sistem ejaan Jawi sesuai dengan hasil kajian ini dan perubahan sebutan fonem konsonan pinjaman Arab yang disebut mengikut lidah Melayu.

*Kata kunci:* konsonan, tulisan Jawi, fonem, fonetik sebutan Melayu.

## *The Using of Consonants [ڙ، ز، ظ] in Jawi Writing System among The Students of Universiti Putra Malaysia*

### INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

[abhalim@upm.edu.my](mailto:abhalim@upm.edu.my) (Ab. Halim Mohamad)

[azid@upm.edu.my](mailto:azid@upm.edu.my) (Mohd Azidan Abdul Jabar)

\*Penulis penghubung

### ABSTRACT

*The consonant of zal [ڙ], zai [ز] dan za' [ظ] has articulation and different properties from its phonetic aspect. These three consonants are called by Malay speakers with [ز] designations very close to the consonant [z]. The Malays faced problems in differentiating and using the three consonants*

*in their Jawi writing. This study attempts to describe the level of consonant use among the Malay students with different backgrounds. This study is a quantitative study involving 25 Arabic Bachelor's students in UPM and 35 students of Linguistics Malay Bachelor in the Department of Malay Language at UPM. A Jawi writing test was conducted on two groups of students. Students are asked to write 30 selected words in Jawi script. The results of study on Arabic Bachelor's students found that 8% obtained grades B- and C+, 32% obtained D grade and 44% failed (F). While Bachelor BM students, 2.86% received grade B- and 97.14% failed (F). The result of this test shows that IPTA students who have received Jawi writing lessons are still weak in differentiating and using consonents [ج], [ج] and [ج] in Jawi writing system including students who have Arabic background. Therefore, the Jawi writing system needs to be revised and transmitted in accordance with the Malay language. It is recommended that a consonant phoneme [ج] which refers to the symbol [z] in Rumi's spelling should be adopted in the Jawi spelling system in accordance with the results of this study and the alteration of the Arab phonemes which be pronounced according to Malay pronunciation.*

*Keywords: consonant, Jawi writing, phoneme, phonetic Malay pronunciation*

---

## **PENGENALAN**

Sistem tulisan Jawi di Malaysia telah melalui beberapa proses perubahan dan penyemakan. Beberapa kaedah telah dikemukakan oleh beberapa tokoh seperti kaedah ejaan Jawi Za'ba (1931), Matlob (1989), Panduan Ejaan Jawi (1986), Hamdan (2015), Mohd Hussein (2002), Daftar Kata Bahasa Melayu (2005), Che Siah (2006) dan lain-lain. Sistem atau kaedah ejaan Jawi yang digunapakai sekarang ialah sistem yang berasaskan Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD) yang telah dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1986 hasil keputusan Konvensyen Tulisan Jawi tahun 1984 anjuran Pusat Islam. Pada tahun 1993 telah berlangsung seminar kebangsaan yang khusus tentang tulisan Jawi yang bertempat di pejabat Perdana Menteri Malaysia. Hasil pembentangan, cadangan dan resolusi seminar tersebut telah disemak dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal Ejaan Jawi Pusat Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993-1994. Ekuran daripada itu lahirlah buku Daftar Ejaan Jawi tahun 2005.

Selepas beberapa tahun pelaksanaan kaedah tulisan PEJYB, ia ditukar pula dengan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) berdasarkan Buku Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2016) telah diterbitkan dengan mengetengahkan beberapa kategori kaedah utama ejaan Jawi iaitu ejaan lazim, ejaan tradisi, ejaan mengikut hukum, ejaan lampau hukum dan ejaan pinjaman serta serapan. Kaedah pelengkap ejaan juga diketengahkan dalam kamus ini seperti ejaan gelinciran, penggunaan huruf hamzah dan ejaan imbuhan. Kaedah PUEJBM yang diguna sekarang diadaptasi daripada kaedah Za'ba (1931).

Mohd Hussein (2002) menyatakan bahawa kaedah ejaan Jawi Za'ba banyak kesamaran pada sebutan dan memerlukan penambahan huruf vokal (alif, waw dan ya') pada sesetengah perkataan bagi menghilangkan kesamaran tersebut. Ismail dan Mashur penyunting buku Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM) cetakan 2004 menjelaskan bahawa kaedah Za'ba telah diubah mengikut kaedah fonologi dan bentuk perkataan bahasa Melayu yang telah dibahagikan kepada tiga kumpulan. Pertama, perkataan Melayu asli. Kedua, perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab.

Ketiga, perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai kaedah ejaan yang berbeza. Perbezaan yang jelas ialah dalam mengeja perkataan pinjaman Arab yang secara umumnya dengan mengekalkan gambaran asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab.

Walaupun usaha kerajaan untuk memertabatkan tulisan Jawi telah dilakukan melalui seminar, persidangan, konvensyen, bengkel, pertandingan, klinik Jawi, carnival dan lain-lain lagi, tetapi masyarakat Malaysia masih lagi menyambut dingin terhadap tulisan Jawi. Nik Rozila dalam kajiannya menyatakan bahawa Penguasaan pelajar dalam Jawi adalah lemah terutama dalam aspek-aspek yang diuji (2007:161). Faizal mendapati segelintir pelajar mahasiswa pengajian Islam UKM kurang meminati tulisan Jawi walaupun mereka mempelajari tulisan Jawi bermula pada awal usia enam tahun (2009: 155). Ia bukan sahaja disebabkan oleh kekurangan minat para pelajar atau sistem pendidikan yang tidak memberi kredit kepada tulisan Jawi, tetapi mungkin bermula daripada kaedah yang bercelaru dan kurang mantap serta tidak mesra pengguna yang menyebabkan mereka kurang berminat. Hal seperti inilah yang menuntut supaya kajian berkaitan sistem tulisan Jawi terus dilakukan bagi memertabatkannya demi survival masa depan.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Banyak kaedah ejaan dalam penulisan Jawi masih mengelirukan pengguna serta pengamalnya. Melalui pemerhatian pengkaji, kaedah penulisan Jawi dilihat tidak begitu tersusun dan tidak tekal. Perubahan yang dilakukan dalam sistem PUEJBM tidak berasaskan hujah yang jelas sehingga banyak mendatangkan masalah dan kecelaruan. Kecelaruan berlaku pada penggunaan vokal (*alif*, *yā'* dan *waw*) dan konsonan seperti penggunaan *qāf* (ق) dan *kāf* (ك), antara *zai* (ز) dan *dhāl* (ذ), antara *sīn* (س), *thā'* (ث), *shin* (ش) dan *ṣād* (ص), antara (ح) dan (هـ), *ṭā'* (ط) dan *tā'* (ت) dan seupamanya. Selain daripada itu berlaku juga kekeliruan ejaan perkataan pinjaman Arab, dimana ada perkataan pinjaman yang diubah ejaannya dan ada yang dikekalkan. Ini semua merupakan masalah dalam tulisan Jawi yang memerlukan kepada satu kaedah yang konsisten yang berpandukan kepada teori fonetik yang betul dan boleh diterima.

Sistem PUEJBM yang digunapakai sekarang ini tidak dapat memberi hujah yang kukuh bagaimana penggunaan konsonan *zai* (ز), *dhāl* (ذ) dan *za* (ظ) yang ditulis dengan [z] dalam tulisan Rumi seperti perkataan *zamrud*, *zarah*, *nazir*, *izhar*, *hafiz*, *lazat*, *zuhur* dan sebagainya dapat dibezakan oleh pengguna tulisan Jawi dari kalangan orang Melayu. Adakah mereka dapat menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi dengan betul seperti *ظهر*, *زمرود*, *ذره*, *ناظير*, *اظهار*, *حافظ*, *لانت*, *ظهر*? Adakah mereka tahu asal usul perkataan tersebut daripada bahasa Arab? Adakah mereka tahu bentuk tulisan asalnya dan kenapa perlu dikekalkan dalam bentuk tulisan asalnya walaupun perubahan fonem dari segi sebutan telah berlaku? Persoalan seperti ini yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian tentang peraturan dan kaedah dalam system tulisan Jawi.

Mengikut Carmel Heah (1989), kata pinjaman dalam sesebuah bahasa dapat diklafifikasikan kepada empat bahagian, iaitu:

- i) Kata pinjaman tidak berasimilasi, iaitu yang tidak mengalami perubahan dalam sistem ejaan (Carmel, 1989: 99) seperti *رمضان مبارك*, *عيد مبارك*, *حج مبرور* dan banyak lagi perkataan yang tersenarai dalam kamus yang jarang digunapakai (lihat



## OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Mengenal pasti tahap kecekapan pengguna Melayu terhadap fonem [ڏ، ز، ظ] dalam sistem tulisan Jawi berdasarkan kaedah Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu (PUEJBM).
- 2) Mengemukakan pendekatan yang sesuai yang boleh diambil untuk menyelesaikan masalah penggunaan fonem [ڏ، ز، ظ] dalam sistem tulisan Jawi yang dihadapi oleh pengguna Melayu khususnya dan bukan Melayu Amnya.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang melibatkan 25 orang pelajar Bachelor Bahasa Arab (semester 2) Universiti Putra Malaysia dan 35 orang pelajar Bachelor Linguistik Melayu (semester 6) UPM. Satu ujian penulisan selama setengah jam telah dijalankan. Soalan ujian mengandungi 30 perkataan bahasa Melayu ditulis dalam tulisan Rumi. Pelajar diminta menulis perkataan tersebut dalam tulisan Jawi. Justifikasi pemilihan pelajar tersebut kerana mereka telah mempelajari tulisan Jawi dan sebagai pelajar universiti mereka seharusnya mendapat pendedahan tentang tulisan Jawi yang menjadi warisan bangsa yang berharga. Kebanyakan perkataan yang diuji terdiri daripada kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Ini bertujuan untuk melihat penguasaan mereka dalam penggunaan fonem [ڏ، ز، ظ] yang ditulis dalam ejaan Rumi menggunakan simbol [z]. Perkataan tersebut seperti dalam jadual (1) di bawah:

JADUAL 1

Senarai Perkataan Bahasa Melayu yang diuji

Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataan	Bil.	Perkataan
1	ziarah	11	zarah	21	zalim
2	zaman	12	zuriat	22	zuhur
3	zamrud	13	zimmi	23	zulmat
4	zaitun	14	mazi	24	zahir
5	zainab	15	mazmumah	25	zan
6	azimat	16	zakar	26	nazir
7	azali	17	muzakarah	27	nazim
8	jizyah	18	zina	28	izhar
9	janazah	19	zarah	29	hafiz
10	muktazilah	20	lazat	30	mazlum

## ANALISIS DATA PERBINCANGAN

### i) Pencapaian Pelajar (Bahasa Arab)

Ujian penggunaan konsonan [ذ], [ز] dan [ظ] dalam sistem tulisan Jawi ke atas 25 orang pelajar Major Bahasa Arab (Jabatan Bahasa Asing) dan 35 orang pelajar Major Linguistik Melayu (Jabatan Bahasa Melayu) di UPM adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual (1) di atas adalah seperti dalam jadual (3) berikut:

JADUAL 2

Pencapaian Pelajar Bahasa Arab dan Bahasa Melayu Dalam Penggunaan konsonan [ذ], [ز] dan [ظ]

Markah	Gred	Bil. Res. & % Pelajar Bahasa Arab	Bil. Res. & % Pelajar Linguistik B. Melayu	Tahap
80-100	A	0 – 0%	0 – 0%	Cemerlang
75-79	A-	0 – 0%	0 – 0%	Sangat Baik
70-74	B+	0 – 0%	0 – 0%	Sangat Baik
65-69	B	0 – 0%	0 – 0%	Baik
60-64	B-	1 – 4%	1 - 2.86%	Sederhana Baik
55-59	C+	1 – 4%	0 – 0%	Memuaskan
50-54	C	0 – 0%	0 – 0%	Memuaskan
47-49	C-	4 – 16%	0 – 0%	Kurang Memuaskan
44-46	D+	0 – 0%	0 – 0%	Lemah
40-43	D	8 – 32%	0	Sangat Lemah
0-39	F	11 – 44%	34 - 97.14%	Gagal
<b>Total</b>		<b>25 – 100%</b>	<b>35 – 100%</b>	

Berdasarkan jadual (2) di atas didapati bahawa jumlah responden pelajar Major bahasa Arab yang memperoleh markah 50% ke atas adalah seramai 2 orang sahaja (8%). Manakala responden yang memperoleh markah kurang daripada 50% adalah seramai 23 orang (92%). Daripada jumlah responden tersebut, didapati responden yang gagal atau mendapat markah kurang daripada 40% adalah seramai 11 orang (44%). Manakala jumlah responden pelajar Major Bahasa Melayu yang memperoleh markah B- adalah 2.86% dan jumlah yang gagal adalah 97.14%.

## ii) Analisis Kesalahan Ejaan

Hasil ujian mendapati bahawa majoriti pelajar melakukan kesalahan yang sangat ketara sekali sama ada pelajar Major Bahasa Arab atau Linguistik Melayu. Pelajar masih lemah dalam penggunaan konsonan atau fonem [ذ, ز, ظ] dalam sistem ejaan Jawi. Kebanyakan pelajar menggunakan fonem [ز] ketika menulis perkataan yang diuji bagi menggantikan fonem [z]. Contoh kesalahan tersebut boleh dilihat dalam jadual (3) di bawah:

JADUAL 3  
Contoh Kesalahan Ejaan Jawi oleh Pelajar

Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Bil.	Rumi	Ejaan Betul	Ejaan Salah
1	zia.rah	زياره	زيره/زيارة	16	za.kar	ذكر	زكر/ذكار
2	za.man	زمان	زمن/ذمان	17	mu.za.ka.rah	مذكره	مذكرة/مذكره
3	zam.rud	زمرود	زمرود/زمروت	18	zi.na	زنا	زناء/زينا
4	zai.tun	زيتون	زايتون/ذيتون	19	za.rah	ذره	زرة/ذرة
5	za.bib	زيبب	ذيبب/زاييب	20	la.zat	لاذت	لزات/لازة
6	a.zi.mat	عزيمة	عزيمت/ازيمت	21	za.lim	ظاليم	ظالم/ظليم
7	a.za.li	ازلي	عزالي/عزلي	22	zu.hur	ظهر	ظهور/ظهور
8	jiz.yah	جزية	جيزيه/جزيه	23	zul.mat	ظلمة	ظلمات/ظلمت
9	je.na.zah	جنازه	جنزه/جنازة	24	za.hir	ظاهير	ظاهر/ظهير
10	muk.ta.zi.lah	معتزلة	مؤتزيلة/معتزله	25	zan	ظن	زان/ظان
11	za.rah	ذره	ذرة/زرة	26	na.zir	ناظير	نزير/نظير
12	zu.riat	ذوريت	ذرية/ذرية	27	na.zim	ناظيم	ناظم/نظيم
13	zim.mi	ذمي	ذيمي/ذمي	28	iz.har	اظهار	اظهر/ازهار
14	ma.zi	مذي	مادي/مادي	29	ha.fiz	حافظ	حفظ/حفيظ
15	maz.mu.mah	مذمومه	مذمومة/مذمومة	30	maz.lum	مظلوم	مذلوم/مزلوم

Ejaan Jawi yang betul berdasarkan buku “Daftar kata bahasa Melayu Rumi-Sebutan Jawi” Edisi kedua 2016, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka

Daripada jadual (3) di atas, terdapat pelajar yang menulis dalam ejaan Jawi yang betul seperti زيبب, زيتون, زمروود, زمان, زياره dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang melakukan kesalahan kerana terkeliru dengan penggunaan ketiga-tiga perkataan ini seperti contoh yang di bawa dalam jadual (4) di atas. Sebagai contoh, perkataan ذمي, ذره, ذيبب, زيتون, زمان dieja ذمي, ذرة, ذيبب, ذيتون, ذمان dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden gagal memahami kaedah penggunaan konsonan [ذ], [ز] dan [ظ] dalam tulisan Jawi, di samping kaedah yang dikemukakan dalam sistem tulisan Jawi kurang mantap dan tidak berkesan.

Kesalahan tersebut disebabkan dua faktor. Pertama, sebutan fonem [ظ], [ز] dan [ذ] sudah diasimilasikan dan disesuaikan dengan sebutan Melayu yang paling hampir dengan sebutan fonem [ز] atau [z]. Kedua, kegagalan responden mengenalpasti asal usul dan bentuk tulisan perkataan tersebut, sama ada kata pinjaman atau asal perkataan bahasa Melayu menyebabkan mereka menggunakan bunyi asal Bahasa Melayu [z] atau [ز] dalam tulisan mereka.



### iii) Analisis Fonetik

Fonem *zal* [ذ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] mempunyai sifat artikulasi yang berbeza. *Zal* [ذ] merupakan suara geseran, bersuara, nipis dan dental. Manakala *zai* [ز] pula merupakan suara geseran, bersuara, nipis dan gigi-gusi (*alveolar*). Fonem *za'* [ظ] pula adalah suara geseran, bersuara, tebal dan dental (Manaf Mahdi, 1998: 90). Manakala fonem [z] pula bersifat geseran, bersuara dan gigi-gusi (Nor Hashimah, 2015: 34-35). Ini bermakna fonem [z] dan fonem [ز] sangat hampir bahkan sama.

Dalam sistem tulisan Rumi, ketiga-tiga bunyi tersebut menggunakan fonem [z] yang bersifat geseran dan gigi-gusi (*alveolar*) seperti *zohor*, *zakat* dan *zakar* (نكر، زكاة، ظهر). Jika diperhatikan dalam Bahasa Melayu, didapati tidak ada perkataan asal Bahasa Melayu yang memakai fonem *zal* [ذ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] sama ada di awal, ditengah atau di akhir perkataan. Perkataan dalam Bahasa Melayu yang memakai tersebut merupakan perkataan pinjaman daripada Bahasa Arab atau Bahasa lain (lihat: Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi entri Z; Kamus Pustaka).

Jika diperhatikan kepada sebutan orang Melayu, mereka telah menukar sebutan fonem *zal* [ذ] dan *za'* [ظ] kepada fonem *zal* [ز]. Sifat dan artikulasi fonem *zal* [ذ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] sudah disatukan menjadi fonem *zal* [ز] dalam sebutan masyarakat Melayu. Oleh itu dalam contoh kesalahan seperti yang ditunjukkan dalam jadual (3) di atas didapati kebanyakan pelajar menukar fonem *zal* [ذ] dan *za'* [ظ] kepada fonem *zai* [ز]. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak mengetahui asal perkataan pinjaman tersebut yang masih dikekalkan tulisan asalnya. Kedua, ia juga disebabkan masyarakat Melayu telah menyebut fonem tersebut mengikut sebutan Melayu. Seperti kata Amat Johari (2016: 31-32), bahawa perubahan fonem Arab seperti ع، غ، ف، ق، ض، ط، ظ، ذ، ث، ح، خ، ز dalam Bahasa Melayu berlaku supaya dapat disesuaikan dengan bunyi Bahasa Melayu. Hal ini kerana fonem-fonem Arab itu tidak wujud dalam senarai fonem Melayu, sehingga sukar untuk dilafazkan oleh lidah Melayu.

Apabila sebutan perkataan Arab sudah tidak lagi disebut mengikut sifat dan artikulasi yang betul bagi setiap fonemnya oleh orang Melayu, maka sepatutnya bentuk tulisan juga berubah dan ditulis mengikut bunyi sebutan semasa. Ini bermakna perkataan *zabah*, *zalim*, *zarah* dan sebagainya yang asalnya ditulis ذبح، ظالم، ذره ذبح patut ditulis زاره، زالم، زابه sesuai dengan sebutan Melayu bagi menghindarkan kekeliruan dan kesalahan ejaan dan pemakaian fonem. Perubahan fonem dan bentuk tulisan berdasarkan kaedah dan sebutan Melayu dapat dilihat pada perkataan pinjaman Inggeris seperti *screw* menjadi *skru*, *gazette* menjadi *gezet*, *discussion* menjadi *diskusi*, *communication* menjadi *komunikasi*, *community* menjadi *komuniti*, *driver* menjadi *derebar*, *book* menjadi *buku* dan sebagainya. Apakah kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu tidak boleh berlaku perubahan seperti tersebut?

Pendekatan fonetik yang menuntut supaya sebutan dan bunyi ditulis dalam bentuk fonem yang bersesuaian tanpa ada pengecualian dapat menyelesaikan banyak masalah dalam sistem tulisan Jawi yang bercelaru sekarang ini. Fonem [ز], [ذ] dan [ظ] yang terdapat dalam senarai konsonan tulisan Jawi seharusnya diselaraskan dengan sistem ejaan Rumi yang hanya menggunakan fonem [z] atau [ز] sahaja. Ini kerana fonem [ظ] dan [ذ] bukan asal bahasa Melayu dan sebutannya lebih hampir kepada fonem [z] atau [ز]. Mengikut pendekatan ini, dicadangkan perkataan Arab yang mengandungi fonem [ظ] dan [ذ] ditukar kepada [ز] seperti ذوريت (*zuriat*), ذكير (*zikir*), ظالم (*zalim*), ايزين (*izin*), لانت (*lazat*) ditukar kepada زوريت، لازت، زالم، ايزين، زوريت dan seumpamanya. Ini sesuai dengan perkataan pinjaman Bahasa Inggeris yang memakai fonem [z] dan ditulis



menggunakan fonem [ڙ] dalam tulisan Jawi seperti زو، زولوڭي، زونوسيس، فيزيك (zoo, zoologi, zoonosis, fizik).

## PENUTUP

Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan fonem *zal* [ڙ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] sangat lemah dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia sama ada yang mempunyai latarbelakang Bahasa Arab dan bukan Bahasa Arab. Ini disebabkan oleh fonem *zal* [ڙ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] sudah diasimilasikan dengan sebutan [ڙ] disamping kesukaran mereka dalam mengenali asal usul dan bentuk tulisan. Pengkalan bentuk tulisan asal kata pinjaman Arab dari segi fonemnya menyebabkan pengguna menghadapi masalah kerana tidak mengetahui asal-usul sejarah bahasa dan aspek sosio budaya Melayu dan Arab.

Perubahan ejaan perkataan pinjaman Arab dalam tulisan Jawi harus dilakukan selaras dengan kemampuan sebutan dalam kalangan orang Melayu dan sesuai dengan fonem dan konsonan asal yang terdapat dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, dicadangkan bahawa perkataan yang menggunakan fonem *zal* [ڙ], *zai* [ز] dan *za'* [ظ] harus diselaraskan dengan menggunakan fonem [ڙ] sahaja, sama ada kedudukan fonem tersebut di awal, di tengah atau di akhir perkataan.

Perubahan sistem ejaan Jawi di Malaysia harus dilakukan berdasarkan pendekatan fonetik dan fonologi yang betul. Ini bertujuan bagi memperkasakan sistem ejaan Jawi supaya lebih mudah didekati dan dipelajari. Mempertahankan sistem ejaan Jawi yang bercelaru dan fanatik dengan sistem yang ada tanpa melihat bagaimana perubahan berlaku ke atas perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu merupakan suatu tindakan yang tidak dapat membantu proses perkembangan dan pembangunan tulisan Jawi di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abu Abdul Latif. (1993). *Kamus Pustaka Melayu – Arab*. Cet. ke-3. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Amat Juhari Moain. (2016). *Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Perubahan Bunyi dan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Siah Che Man. (2014). *Pendekatan pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu (Rumi-Sebutan-Jawi) (Cet. Pertama 2001, Edisi Kedua Cetakan Kedua 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. (2016). Edisi kedua Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid & Niswa @ Noralina binti Abdullah. (2009). Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (Ipta) Tempatan. Dlm. *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 4, 145 – 156.
- Hamdan Abdul Rahman. (2015). *Panduan menulis dan mengeja Jawi*. Edisi ke-2, cet. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heah, Carmel Lee Hsia. (1989). *The Influence on English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati Zahid & Abdul Hamid Mahmood. (2016). *Pengantar Fonetik*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (Asiah Abu Samah bekas Ketua pengarah pendidikan Malaysia. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1992.
- Matlob (1989). *Rahsia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hussein Baharuddin (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Batu Caves: Pustaka Wira.

- Muhammad, Manaf Mahdi. (1998). *'Ilm al-aswat al-lughawiyah*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam. Dlm. Jurnal Pendidik dan Pendidikan. Jil.22, 161-167. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin. (2015). *Asas Fonetik*. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan (PEJYD)*. (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1931). *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi*. Singapura: Printes Ltd.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (1931). *Rahsia ejaan Jawi*. Singapura: Malaya Publishing House Limited.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2009). *Rahsia ejaan Jawi*. Transliterasi Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.